

→ WACANA

BICARA PEMBINAAN TAMADUN BANGSA: SAYANGI MALAYSIKU

'Tambah baik subjek Sejarah'

➔ Perlu catat terperinci mengenai pembentukan Malaysia

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

▪ Bangi

Kementerian Pendidikan mesti menambah baik sukatan mata pelajaran Sejarah dengan memasukkan bab penting yang membawa kepada pembentukan Malaysia.

Sejarawan negara, Prof Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim, berkata penubuhan Malaysia pada 16 September 1963 ialah sejarah terpenting negara, namun tidak tercatat secara terperinci dalam silibus Sejarah di sekolah.

Katanya, ramai pelajar keliru di antara hari kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957

Sayangi Malaysiaku



KITA PUNYA

dengan tarikh pembentukan Malaysia kerana mereka tidak diajar secara mendalam.

Bagaimanapun, katanya, penduduk Sabah dan Sarawak sangat arif dengan tarikh pembentukan Malaysia kerana mereka sudah lama menyambut hari berkenaan.

Kepentingan negara

"Ramai yang tidak tahu Perjanjian Malaysia yang membawa kepada pembentukan Malaysia ditandatangani di London pada 9 Julai 1963.

"31 Ogos ialah hari kebangsaan, manakala 16 September ialah Hari Malaysia.

"Ini perlu dijelaskan dalam silibus Sejarah untuk

kepentingan negara," katanya di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini semalam.

Kay Kim berkata demikian dalam Bicara Pembinaan Tamadun Bangsa: Sayangi Malaysiaku.

Yang turut hadir, Naib Canselor UKM, Prof Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali.

Kay Kim berkata, jika elemen patriotisme berhubung penubuhan Malaysia tidak diserapkan dalam sukatan mata pelajaran Sejarah, dibimbangi semakin lama rakyat semakin jahil mengenai asal usul negara.

"Sistem pendidikan ialah medium terpenting untuk menerapkan semangat patriotisme, kenegaraan dan pemahaman berhubung pembentukan Malaysia," katanya.

Semangat patriotik

Sementara itu, Prof Noor Azlan berkata, UKM menggunakan slogan 'Pendahul Amanah Negara' untuk menerapkan semangat patriotisme dalam kalangan pelajarinya.

"Ini sejajar dengan penubuhan UKM untuk mengisi kemerdekaan negara," katanya.

Hargai pejuang kemerdekaan

Bangi: Jasa pejuang kemerdekaan tidak sepatutnya dilupakan walaupun kemerdekaan negara tercapai secara aman, iaitu menerusi rundingan di antara kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan British.

Ketua 1 Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA), Datuk Zainal Abidin Borhan, berkata sebelum rundingan itu berlangsung, ramai pejuang kemerdekaan sudah terkorban.

"Akhirnya kemerdekaan dicapai menerusi rundingan yang membuktikan kehebatan pemimpin ketika itu. Mereka tidak mahu lebih ramai rakyat terkorban," katanya.

Beliau berkata demikian



Zainal Abidin Borhan

ketika menjadi panelis program di sini semalam.

Perjanjian Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani pada 8 Februari 1956 di Lancaster House, London yang membawa kepada perisytiharan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Malaysia diwakili Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dan Kerajaan British diwakili Setiausaha Negara Tanah Melayu British, Alan Lennox-Boyd.

Penjara mandatori

Sementara itu, Zainal Abidin berkata, kerajaan perlu memperkenalkan undang-undang penjara mandatori kepada rakyat yang tidak menghormati bendera negara, Jalur Gemilang.

Katanya, ada anggota masyarakat yang memasang bendera sama ada di rumah atau kenderaan, tetapi apabila jatuh dibiarkan tanpa memasangnya semula.